



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

e-PROCEEDING CIE-TVET VIRTUAL CONFERENCE 2022

12th NATIONAL CONFERENCE
IN TECHNICAL EDUCATION & VOCATIONAL TRAINING 2022

5-6 SEPTEMBER 2022
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



e-Proceeding of 12th National
Conference in Technical Education and Vocational Training 2022
(CiE-TVET 2022)

TVET EDUCATION: LEVERAGING THE FUTURE

**5-6 SEPTEMBER 2022
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Hak Cipta ©Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 2022

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

e-Proceeding of 12th National
Conference in Technical Education and Vocational Training 2022

No eISBN: 978-967-0032-50-4

e ISBN 978-967-0032-50-4



9 7 8 9 6 7 0 0 3 2 5 0 4

e-Proceeding CIE-TVET 2022

Ketua Editor:
Ts. Dr. Ainul Haezah Noruzman

Editor:
Yusnita Yusof
Dr. Siti Anizah Muhamed
Muhammad Afiq Faisal Muhammad Ilias

Pereka Grafik:
Mohd Firdaus Sedet

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan
Seksyen U1
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
No. Tel: 03 – 5163 4000
No. Faks: 03 – 5563 1903

Kajian dan Analisis Keperluan Kemahiran Rekabentuk Dalaman untuk Keperluan Industri Khusus untuk Pelajar Sijil Rekabentuk Dalaman

Amiruddin Mat, Muhapis A Hakim, Md Alimi Yasinan, Ramli Mohamed, Haryaty Sua Liya Sukimin

Unit Reka Bentuk Dalaman, Kolej Komuniti Shah Alam, D/A Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia
amiruddin@kksa.edu.my

ABSTRAK

Sebagai salah satu pemain utama dalam penawaran program Sijil Rekabentuk Dalaman (SRD) sejak tahun 2010, Kolej Komuniti Shah Alam (KKSA) telah melahirkan 169 graduan bidang ini. Kolej Komuniti Shah Alam perlu menganalisis pasaran kerja oleh alumni yang telah tamat untuk melihat keberhasilan program yang ditawarkan. Kajian ini secara khusus memfokuskan hasil pembelajaran program Sijil Rekabentuk Dalaman di KKSA. Responden terdiri daripada majikan alumni KKSA yang sedang bekerja di syarikat mereka. Hasil menunjukkan 83 % menyatakan kandungan dan kesesuaian program dengan keperluan organisasi, separuh daripada responden berpendapat alumni ini sesuai diberikan gaji sebanyak RM1000 hingga RM1500 sebulan selaras dengan tahap kemahiran mereka, semua responden berpendapat program pengajian SRD di KKSA sesuai untuk dinaiktaraf ke peringkat lebih tinggi, kakitangan majikan tersebut wajar mendapat skim galakan bagi mengikuti program pengajian SRD dan berpendapat program SRD ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan oleh majikan di dalam bidang.

Kata Kunci: Sijil Rekabentuk Dalaman, analisis pasaran, kerjaya

1. PENGENALAN

Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang memainkan peranan bagi menghasilkan graduan berilmu dan berkemahiran tinggi. Sebagai penyedia Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang utama di Malaysia, Kolej Komuniti turut disasarkan menjadi sebuah institusi TVET tersohor di rantau ASEAN dengan melaksanakan pendidikan dan latihan berpandukan keperluan pihak industri dan komuniti. Program Sijil Rekabentuk Dalaman mula ditawarkan pada tahun 2010. Tujuan kajian pasaran ini dilakukan bagi memastikan program yang sedang ditawarkan kekal relevan dengan kehendak guna tenaga negara. Kajian dan analisis pasaran program pengajian telah dilaksanakan pada tahun ini selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) (2021-2025). Kajian ini dilaksanakan secara dalam talian bagi memaksimumkan jumlah responden di samping memudahkan proses analisis dapatan kajian.

Program Sijil Rekabentuk Dalaman ini memfokuskan kepada reka bentuk dan persekitaran dalaman bagi semua aspek struktur, ruang dan susun atur bahan. Pelajar akan mempelajari konsep reka bentuk dalaman berdasarkan konteks fizikal, budaya, alam sekitar dan sejarah reka bentuk senibina dalaman di samping membangunkan reka bentuk dalaman yang kreatif dan berdaya cipta sama ada bagi ruang awam atau peribadi.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menganalisis pasaran majikan terhadap graduan KKSA merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu:

- i. program pengajian yang sedang ditawarkan,
- ii. peluang kerjaya selepas menamatkan pengajian dan
- iii. peluang kerjaya dan profesional alumni selepas tamat pengajian.

3. SOROTAN KAJIAN

Pada era globalisasi ini, keperluan tenaga kerja yang berkemahiran yang berorientasikan kearah TVET dalam bidang reka bentuk dalaman amat diperlukan bagi memenuhi permintaan dalam sektor awam dan swasta. Kemampuan graduan untuk memenuhi kehendak pekerjaan dalam bidang reka bentuk dalaman bergantung kepada pelbagai faktor meliputi kemahiran teknikal, pengetahuan berkenaan reka bentuk dalaman dan kemahiran insaniah. Sumber data daripada agensi-agensi berikut telah diperolehi bagi memastikan program yang ditawarkan memenuhi kehendak TVET untuk pasaran tenaga kerja negara.

Perubahan demi perubahan dalam bidang perdagangan pula menekankan kepentingan penawaran pendidikan untuk memenuhi keperluan kebolehpasaran, bukan hanya memfokuskan kepada kemahiran semata-mata tetapi juga keperluan pengalaman praktikal dalam kalangan graduan. Keperluan atau kehendak majikan dan keupayaan mahasiswa untuk meningkatkan kemahiran mereka perlu diambil perhatian. Justeru itu, demi meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan serta kemampuan mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja yang mencabar, pelajar universiti harus terus berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan di samping mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang pekerjaan yang bakal diceburi (Susima, 2009). Menurut Perera, E.R.K & Perera, A.N.F (2009), kesesuaian dan kualiti program pengajian perlu ditambah baik melalui penilaian kurikulum yang menjurus kepada meningkatkan kemahiran generik serta kemahiran profesional mahasiswa dan samping memperkukuh hubungan antara institusi pengajian dengan pihak industri.

Kajian terkini yang dilakukan oleh Kesatuan Sekerja Sedunia (ILO-International Labour Organization) memperlihatkan peningkatan kadar pengangguran yang amat ketara dalam kalangan pemuda yang sebahagian besarnya merupakan lepasan siswazah. Kajian yang dilakukan sehingga hujung tahun 2016 menyebut bahawa hampir 71 juta golongan muda di seluruh dunia menjadi penganggur dan kadar tersebut memberikan corak konsisten dalam peningkatan kadar pengangguran saban tahun. Nisbah peratusan pengangguran yang dicatatkan pada tahun 2015 adalah pada kadar 12.9% dan meningkat kepada 13.1% pada tahun 2016. Situasi ini dijangka meningkat pada tahun 2017 dan tahun-tahun seterusnya menurut laporan bertajuk "Pekerjaan dan Isu-isu Masyarakat di Dunia: Masa Depan Golongan Muda" yang diterbitkan oleh Kesatuan tersebut (Eva, 2016).

Kajian yang dilakukan oleh Odey & Gimba (2015) turut menunjukkan bahawa isu kebolehpasaran ini menjadi tajuk utama perbincangan di negara-negara Afrika khususnya Nigeria yang saban tahun didapati menghadapi masalah pengangguran, sekaligus menjadi satu cabaran getir kepada pemimpin dan masyarakat di negara tersebut. Kadar pengangguran didapati meningkat daripada 21% pada 2010 kepada 23.9% pada 2011 walaupun pertumbuhan ekonomi berada pada tahap yang memberangsangkan. Hal ini disebabkan oleh kurangnya tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam memenuhi kekosongan jawatan yang ada di negara tersebut (Abdul Farouk, 2009). Pemilihan bidang akademik yang sesuai dilihat lebih memainkan peranan dalam menentukan tahap kebolehpasaran berbanding dengan pencapaian akademik seseorang graduan. Bagi tujuan menangani masalah ini, Odey & nGimba (2015) mencadangkan agar kurikulum di institusi pengajian tinggi diperbaharui supaya lebih bersifat universal khususnya dalam mempersiapkan graduan dengan kriteria yang memenuhi keperluan semasa pasaran kerja.

Dalam era globalisasi masa kini, pelbagai penanda aras diletakkan bagi mengukur kualiti institusi pengajian tinggi. Salah satu penanda aras yang penting untuk mengukur kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi di peringkat global ialah kebolehpasaran graduannya serta kemampuannya dalam memenuhi kehendak pasaran kerja (Shumilova & Cai, 2011). Justeru, didapati bahawa tajuk utama perbincangan dalam kajian secara globalnya lebih tertumpu kepada perbincangan berkaitan faktor yang menjadi penyumbang kepada isu kebolehpasaran ini serta faktor yang menjadi pemangkin kepada kebolehpasaran graduan dalam usaha untuk mendepani isu ini (Shumilova & Cai, 2011; Adeyemo et al, 2010; Nauta et al, 2009; Perera, E.R.K & Perera, A.N.F, 2009).

4. METODOLOGI KAJIAN

Bahagian utama dalam menentukan metodologi kajian adalah mengenal pasti reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian merupakan panduan tentang pendekatan kaedah yang sesuai digunakan bagi sesuatu kajian (Othman, 2001). Reka bentuk kajian dapat ditetapkan sekiranya pernyataan masalah, tujuan kajian serta persoalan kajian telah dikenal pasti. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan sepenuhnya borang soal selidik. Menurut Mohd. Majid (1990), soal selidik lebih praktikal

dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh responden. Selain itu, instrumen soal selidik juga merupakan satu mekanisme bagi memperoleh data untuk tujuan menghurai sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan dan tingkah laku (Chua, 2013).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang diadaptasi daripada Franchak dan Smiley (1981), Jones (1981) dan NAIT Employer Satisfaction Survey (2000). Walau bagaimanapun, bahasa dan susunan item telah diubahsuai berasaskan kesesuaian persekitaran tempatan. Item baharu telah dimurnikan kerana instrumen kajian terdahulu didapati tidak menyeluruh dalam aspek pengukuran item.

4.1 Populasi dan Persampelan kajian

Persampelan merupakan satu strategi penyelidikan iaitu pengkaji boleh mendapatkan maklumat tentang sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Prinsip utama persampelan adalah untuk mendapatkan sampel yang benar-benar mewakili populasi. Persampelan bagi kajian ini menggunakan persampelan jenis rawak mudah. Rawak jenis ini memberi peluang yang sama kepada setiap individu untuk mewakili populasi (Mohd. Najib, 2003). Berdasarkan jadual Krejcie, R.V dan Morgan, D.W dalam Azizi et al. (2006), nilai minimum bagi populasi 100 orang adalah 82 orang.

Berdasarkan kajian ini, seramai 30 majikan yang sedang menggajikan alumni KKSA diambil sebagai responden untuk menjawab semua instrumen yang dikemukakan. Sampel ini diperolehi melalui senarai nama majikan yang terdapat dalam rekod Unit Perhubungan Industri dan Alumni KKSA. Semua majikan ini dihubungi melalui emel bagi menyatakan niat kajian dan seterusnya dimohon menjawab instrumen disediakan. Tempoh diberikan kepada semua responden adalah selama 30 hari dan maklum balas juga dihantar semula oleh responden melalui emel.

4.2 Skop Kajian

Majikan yang terlibat dalam kajian ini merupakan syarikat yang telah menggaji graduan KKSA yang bekerja dengan mereka meliputi graduan KKSA yang telah bergraduasi pada tahun 2013 hingga 2020.

4.3 Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi tiga (3) bahagian utama iaitu Bahagian I: Kandungan program dan kesesuaian, Bahagian II: Peluang kerjaya dan Bahagian III : Lain-lain.

Soal selidik ini telah diterjemahkan secara dalam talian menggunakan platform *google forms*. Makluman kepada pihak majikan berkaitan soal selidik juga telah dibuat menggunakan emel berserta surat iringan yang mengandungi kenyataan menyatakan kepentingan kajian dan jaminan kerahsiaan atas maklumat yang diberi supaya wujudnya kepercayaan antara responden dan penyelidik.

Skala Likert 5 poin digunakan dalam soal selidik ini. Poin yang tertinggi adalah 5 sementara yang paling rendah adalah 1. Poin ini dikelaskan seperti berikut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skala Likert

1	2	3	4	5
Amat Lemah	Lemah	Memuaskan	Baik	Amat Baik

Instrumen kajian dibangunkan sebagai menjawab persoalan kajian untuk mengetahui kandungan dan kesesuaian program, peluang kerjaya selepas menamatkan pengajian dan peluang alumni selepas tamat pengajian.

4.4 Kaedah Analisis Data

Data daripada soal selidik yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Data yang diperolehi ditunjukkan dalam bentuk frekuensi (peratus). Bagi menerangkan data dengan lebih jelas, penyelidik memaparkan data melalui kaedah jadual dan graf. Tafsiran skor min dapatan kajian bagi mengukur tahap kepuasan majikan adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Peluang peningkatan kerjaya dan profesional bagi alumni SRD

	Program ini dapat dilanjutkan ke peringkat lebih tinggi %	Mempunyai skim galakan kakitangan mengikut program ini %	Program ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan %
Ya	100	100	100
Tidak	0	0	0

5. ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN


Hasil dapatan kajian yang telah dinyatakan melalui tiga bahagian iatu Kandungan Program dan Kesesuaian dengan Keperluan Organisasi; Peluang Kerjaya; dan Lain-lain. Hasil dapatan ini diperolehi selepas menganalisis semua instrumen yang dikemukakan kepada para responden.

5.1 Bahagian I: Kandungan dan Kesesuaian Program dengan Keperluan Organisasi


Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan dapatan berkaitan kesesuaian tempoh pengajian dan latihan industri program pengajian SRD.

Jadual 3: Kesesuaian tempoh pengajian dan latihan industri program pengajian SRD

Aspek	Mencukupi dari segi jangka masa pengajian %	Mencukupi dari segi tempoh latihan industri %
Ya	83%	83%
Tidak	17%	17%



Rajah 1: Mencukupi dari segi jangka masa pengajian



Rajah 2: Mencukupi dari segi tempoh latihan industri

Hampir kesemua responden iaitu 83% berpendapat tempoh pengajian adalah mencukupi bagi Sijil Rekabentuk Dalaman. begitu juga dengan tempoh latihan industri di mana 83% responden juga berpendapat ianya adalah mencukupi. Ini bermakna tempoh dua tahun bagi tempoh keseluruhan pengajian sijil ini adalah memadai bagi pelajar SRD untuk mempelajari ilmu-ilmu perlu dan penting sebelum memasuki alam pekerjaan.


Mengikut pandangan responden, tempoh 2 tahun yang diperuntukkan untuk pengajian peringkat sijil ini adalah berpatutan dan tidak terlalu lama atau terlalu singkat. Begitu juga dengan tempoh latihan industri yang wajib diikuti oleh pelajar di firma, ianya sesuai dengan matlamat latihan industri iaitu sebagai pengenalan suasana bekerja sebenar kepada bakal graduan SRD.

5.2 Bahagian II: Peluang Kerjaya

Jadual 4 menunjukkan julat pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan atau alumni alumni SRD.

Jadual 4: Julat pendapatan yang sesuai bagi alumni SRD

Pendapatan	Peratus
kurang RM1000	0
RM1001-1500	50
RM1501-2000	33
RM2001-2500	17
lebih RM2501	0
Jumlah	100



Rajah 3: Julat pendapatan yang sesuai bagi alumni SRD

Dari segi pendapatan yang sesuai diberikan kepada alumni SRD, lebih separuh daripada responden berpendapat alumni ini sesuai diberikan gaji sebanyak RM1000 hingga RM1500 sebulan selaras dengan tahap kemahiran mereka. Tiada responden berpendapat alumni SRD ini layak diberikan pendapatan bulanan kurang daripada RM1000. Ini menunjukkan alumni SRD khususnya, alumni Kolej Komuniti amnya mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi di mata majikan.


Ini merupakan satu titik kejayaan bagi KKSA dalam menghasilkan alumni yang berpendapatan tinggi berbekalkan sijil kemahiran dan setaraf dengan lulusan pemegang kelayakan akademik lain yang lebih tinggi.

5.3 Bahagian 3: Lain-lain


Jadual 5 menunjukkan peluang peningkatan kerjaya dan profesional bagi alumni SRD yang dilihat dari tiga (3) aspek iaitu melanjutkan ke peringkat lebih tinggi, mempunyai skim galakan kakitangan mengikut program ini dan program ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan.

Jadual 5: Peluang peningkatan kerjaya dan profesional bagi alumni SRD


	Program ini dapat dilanjutkan ke peringkat lebih tinggi %	Mempunyai skim galakan kakitangan mengikut program ini %	Program ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan %
Ya	100	100	100
Tidak	0	0	0



Rajah 4: Program ini dapat dilanjutkan ke peringkat lebih tinggi



Rajah 5: Mempunyai skim galakan kakitangan mengikuti program ini



Rajah 6: Program ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan

Dalam mana-mana bidang pengajian, peningkatan kerjaya dan tahap profesional adalah impian kebanyakan alumni dan kakitangan. Hampir semua responden berpendapat program pengajian SRD di KKSA sesuai untuk dinaik taraf ke peringkat lebih tinggi. Begitu juga dengan peningkatan kerjaya dan kemahiran dalam kalangan kakitangan responden, di mana responden berpendapat kakitangan tersebut wajar mendapat skim galakan bagi mengikuti program pengajian SRD. Ini dapat memantapkan lagi kemahiran kakitangan tersebut sekiranya mereka tiada sebarang ikhtisas akademik sekurang-kurangnya peringkat sijil kemahiran. Lebih daripada itu, kebanyakan responden juga berpendapat program SRD ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan oleh majikan dalam bidang.

6. KESIMPULAN

Secara amnya, kajian dan analisis pasaran bagi program Sijil Rekabentuk Dalaman ini telah mencapai objektif yang diharapkan di mana analisis sumber data dan analisis kajian pasaran daripada industri atau majikan menunjukkan program ini mempunyai permintaan industri dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga kerja negara.

Hasil dapatan kajian adalah input berharga bagi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional. Maklum balas daripada pihak majikan amat penting dalam merangka polisi dan strategi bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti sekaligus dapat membantu menambah baik keperluan PdP, tenaga pengajar, infrastruktur dan fasiliti, kurikulum dan lokasi seiring dengan kehendak industri.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama pihak majikan memberi maklum balas dalam kajian ini. Pihak kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak majikan kerana memberi peluang kepada graduan KKSA untuk bekerja di syarikat dan menimba pengalaman berguna sepanjang alam pekerjaan mereka.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2013). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill
- Edinyang, S. D, Odey, C. & Gimba, J. (2015). Academic Factors and Graduate Employability in Nigeria, dalam *Global Journal of Human Resource Management* Vol.3, No.5, pp.9- 17, September 2015.
- Franchak & Smiley. (1981). *Evaluating employer satisfaction: measurement of satisfaction with training and job performance of former vocational education*. Ohio.
- Jones, W. (1981). *Education and Employer: Expectation and Experiences of Students Graduates and Employers*
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- NAIT Institutional Research (2000). *NAIT Employer Satisfaction Survey*. Alberta
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Perera, E.R.K & Perera, A.N.F. (2009). Factors Affecting Employability of Graduates holding NonProfessional Degrees in Sri Lanka, dalam Sub Theme C – Issues for Non-Professional Faculties – ASAIHL University of Kelaniya, Sri Lanka, p171-183.
- Susima Samudrika Weligamage. (2009). Graduates Employability Skills: Evidence from Literature Review, dalam Sub Theme A - Enhancing Employability through Quality Assurance – ASAIHL University of Kelaniya, Sri Lanka, p115-125.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

BUKU PROGRAM

CIE-TVET

VIRTUAL CONFERENCE

2022

12th NATIONAL CONFERENCE
IN TECHNICAL EDUCATION & VOCATIONAL TRAINING 2022

5-6 SEPTEMBER 2022
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



ISI KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan

Kata Alu-Aluan Dr Zubaidah binti Aman Timbalan Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	1
Kata Alu-Aluan Dr. Riam a/p Chau Mai Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	2
Kata Alu-Aluan Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	3
Aturcara Majlis	4
Jadual Pembentangan	5-11
Senarai Jawatankuasa Induk	12
Senarai Jawatankuasa Pelaksana	13-15

KATA ALU-ALUAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah *kurniaNya* *12th National Conference in Technical Education and Vocational Training (CiE-TVET) 2022* dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah serta jawatankuasa yang bertungkus lumus bagi menjayakan CiE-TVET 2022 sehinggalah mencapai kemuncaknya pada hari ini. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada para peserta seminar CiE-TVET 2022. Perkongsian ilmu dalam kalangan para penyelidik amat diperlukan agar bidang pendidikan dan penyelidikan Negara sentiasa ke hadapan.

Sejajar dengan kemajuan teknologi IR4.0, tenaga pengajar bertanggungjawab mengembangkan minat, bakat dan kebolehan pelajar. Mereka harus bersikap peka dan responsif kepada sebarang bentuk perubahan teknologi dalam industri agar tidak ketinggalan zaman apabila berhadapan dengan para pelajar.

Justeru, CiE-TVET 2022 kali ini dilihat sebagai salah satu platform bagi para penyelidik untuk bertemu dan saling berkongsi hasil penyelidikan di antara satu sama lain. Perkongsian sebegini juga dapat meningkatkan kualiti keilmuan dalam kalangan ahli akademik seraya menyemai pembudayaan aktiviti penyelidikan di intitusi pengajian tinggi terutamanya di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Ini seterusnya meletakkan Politeknik dan Kolej Komuniti ke persada kecemerlangan dan menjadi peneraju TVET negara yang unggul dan disegani.

Sekian, terima kasih.



YBrs. Dr ZUBAIDAH BINTI AMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KATA ALU-ALUAN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu syabas saya ucapkan kepada warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) serta seluruh jawatankuasa yang terlibat atas komitmen dalam menjayakan penganjuran *12th National Conference In Education-Technical and Vocational Education and Training (Cie-TVET 2022)*.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pembentang dan peserta seminar Cie-TVET 2022 kali ke -12. Saya percaya dengan adanya seminar seperti ini, kita dapat terus menyemarakkan semangat penyelidikan dalam kalangan warga JPPKK untuk lebih produktif di samping menggilap bakat penulis baharu. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa seminar kali ini.

Agenda pemeraksanaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang didukung Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) adalah selaras dengan hasrat negara dalam membangunkan aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi dengan melahirkan graduan TVET berkualiti. Oleh itu, perkongsian ilmu perlu diberi penekanan bagi memastikan ia sentiasa relevan, kini dan pada masa hadapan. Dapat saya simpulkan bahawa penganjuran seminar ini berjaya bertindak sebagai medium ilmu yang dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan hasil kajian penyelidik.

Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang diberikan kepada warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah untuk penganjuran pada seminar Cie-TVET 2022 pada tahun ini. Diharap hasil penganjuran seminar kali ini dapat meningkatkan pengetahuan dan menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan pendidikan TVET serta bakal mencorak aliran pendidikan yang lebih berkualiti di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

YBrs. DR. RIAM A/P CHAU MAI
PENGARAH,
PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI,
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KATA ALU-ALUAN PENGARAH POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah terlebih dahulu syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kurnia-Nya dan keizinan-Nya CiE-TVET 2022 berjaya dilaksanakan. Terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi menganjurkan seminar kali ini.

Tema “TVET Education: Leveraging the Future” yang bermaksud pendidikan TVET adalah satu pelaburan untuk masa hadapan yang dipilih sangat signifikan dan bertepatan dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan TVET. Kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang tinggi adalah ciri utama modal insan dan tenaga kerja negara berpendapatan tinggi.

Seminar ini turut memberi penghargaan kepada semua pembentang dan penyelidik yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Syabas dan tahniah kepada semua peserta yang banyak memberi sumbangan dalam bidang penyelidikan. Saya berharap seminar ini menjadi pemacu untuk pensyarah, staf dan pelajar untuk berkongsi ilmu pengetahuan bagi meningkatkan nilai kepakaran dalam bidang dan melatih pensyarah, staf dan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis bagi mencetus transformasi berkesan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak terutama ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus menjayakan *National Conference In Education-Technical And Vocational Education And Training 2022* kali ke-12 ini. Akhir kata, semoga seminar seumpama ini diteruskan dan dijadikan platform kepada warga Politeknik dan Kolej Komuniti untuk terus bersama-sama membudayakan penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Dr. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH




ATURCARA MAJLIS PENUTUP

TEMPAT: DEWAN AL-JAZARI, PSA

6 SEPTEMBER 2022 (SELASA)

MASA	PERKARA
2.00 petang	Ketibaan Jemputan
2.15 petang	Ketibaan YBrs. Dr. Zubaidah binti Aman Timbalan Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
2.30 petang	Nyanyian Lagu Negaraku Tayangan Video Keselamatan Ucapan Alu-Aluan oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ucapan Penutupan oleh YBrs. Dr. Zubaidah binti Aman Timbalan Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
3.00 petang	<i>Keynote Speaker</i> : Prof. Ts. Dr. Uda Hashim Pengarah Institute of Nano Electric Engineering (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
3.40 petang	Ulasan Ketua Reviewer: Dr Hj. Zunuwanas bin Mohamad Pensyarah Utama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
3.50 petang	Penyampaian Anugerah Pembentang/ Penyelidikan Terbaik
4.00 petang	Penyampaian Cenderahati
4.15 petang	Sesi Bergambar
4.25 petang	Nyanyian Lagu Politeknik & Kolej Komuniti
4.30 petang	Minum Petang Bersurai
3.40 petang	Ulasan Ketua Reviewer: Dr Hj. Zunuwanas bin Mohamad Pensyarah Utama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

JADUAL PEMBENTANGAN CIE-TVET 2022

MODERATOR : NURUL AKMAR BINTI KAMARUDDIN				 BILIK 1
JURI 1 : DR. AHMAD AZLAN BIN AB AZIZ				
JURI 2 : DR. SABARIAH BINTI BOHANUDIN				
PIC BILIK : SARIMAH BINTI CHE HASSAN				
SESI 1 TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN) MASA: 9.00 PAGI – 12.00 TENGAHARI				
NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0001	PENGUMPULAN TERMA TENAGA SOLAR BAGI KITARAN RANKINE ORGANIK (ORK)	MUHAMAD ASRUL AFFENDI MAT NOR FARAH WAHEDA BINTI OTHMAN ZULKURNAIN BIN HASSAN	KK PASIR SALAK KK PASIR SALAK POLITEKNIK PORT DICKSON
2	CIE-TVET 2022-0017	MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGUASAI KURSUS APLIKASI KOMPUTER MENGGUNAKAN PENDEKATAN SAMPUL MISTERI	EMARIA AHMAD ABDUL RAHMAN BIN MORNI	KK KUCHING KK SARIKEI
3	CIE-TVET 2022-0020	GROWTH PERFORMANCE OF THREE PURPLE SWEET POTATO VARIETIES	SITI NURJIAH ABDULLAH	POLITEKNIK JELI
4	CIE-TVET 2022-0048	IOT BASED HOME AUTOMATION AND APPLIANCES CONTROL	MOHAMAD FAIZ BIN JAMALUDIN	PSIS

MODERATOR : SALIZAHANIM BINTI LEMAN				 BILIK 2
JURI 1 : DR. AZIAM BINTI MUSTAFA				
JURI 2 : DR. MOHAMAD SIRI BIN MUSLIMIN				
PIC BILIK : HARYANTI BT ABDULLAH				
SESI 1 TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN) MASA: 9.00 PAGI – 12.00 TENGAHARI				
NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0002	THE IMPACT OF PERCEIVED USEFULNESS, PERCEIVED EASE OF USE, PERCEIVED VALUE AND PERCEIVED RISK ON PURCHASE INTENTION VIA HYPERMARKET DRIVE-THRU AMONG KLANG VALLEY CONSUMERS	PUSHPALATHA APPANAIDU	PSA
2	CIE-TVET 2022-0004	MALAYSIAN SHOPPERS' BEHAVIOR IN E-TAILING	DR. NOORDINI ABDULLAH ROSAMIZA BINTI MEOR RAZAK DR. PARAMESWARI SHUNMUGAM	PSA
3	CIE-TVET 2022-0043	THE IMPACT OF ATTITUDE, AWARENESS, RELIGIOSITY AND KNOWLEDGE ON HIBAH PURCHASE INTENTION AMONG MUSLIM COMMUNITY IN HIGHER LEARNING INSTITUTIONS	DR AZIAM MUSTAFA SITI RAWAIDAH BINTI MOHD RAZIKIN ZAKIAH OTHMAN NOR LAILA HASSAN	PSA
4	CIE-TVET 2022-0057	IDENTIFICATION OF READING IMPAIRMENTS AMONG TVET STUDENTS	DR. PARAMESWARI SHUNMUGAM VIJAYAKUMAR VENGADASALAM	PSA MULTIMEDIA UNIVERSITY
5	CIE-TVET 2022-0059	DEVELOPMENT OF PORTABLE MUSCLE THERAPY FOR SKELETAL MUSCLE INJURY	TS ASMIRA BIN ASHARI YAAKUB BIN OMAR	PSA

JADUAL PEMBENTANGAN CIE-TVET 2022

BILIK 3

MODERATOR : NORANIZAH BINTI SARBANI

JURI 1 : DR. MARLINA BINTI RAMLI

JURI 2 : TS. DR. KANNAN RASSIAH

PIC BILIK : INTAN SYAFIQAH BINTI MOHD SHAH

SESI 1

TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)

MASA: 9.00 – 12.00 TENGAHARI

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0003	KAJIAN KOMPOSISI DAN PENGASINGAN SISA PEPEJAL DI INDERA MAHKOTA 16, KUANTAN	TEE LIAN YONG NORRIZAH BINTI ABD WAHAB MUHAMAD FIRDAUS BIN CHE AMAT.	POLISAS
2	CIE-TVET 2022-0007	FLEXIBLE SHORING	AIDALIA ENDUT HALIZA BINTI AB KARIM NUR HANANI BINTI DAUD	POLISAS
3	CIE-TVET 2022-0039	PENILAIAN TAHAP KESELESAAN TERMAL DI HOSPITAL KERAJAAN	MUHAMAD ZAKWAN BIN ZAKARIAH NORSYAHIDA BINTI ZAKARIA NURHIDAYU BINTI AZHARI	PKS
4	CIE-TVET 2022-0055	ECO BATHROOM FLOOR DRYER	TS. ZURENA BINTI LEMEN ISMA AFIZA BINTI ISMAIL	PSA
5	CIE-TVET 2022-0008	ECO RUBBER PAVER	AIDALIA BINTI ENDUT NURUL IZZA BINTI ABD GHANI	POLISAS

JADUAL PEMBENTANGAN CIE-TVET 2022

BILIK 4

MODERATOR : DIANA BINTI NASARUDDIN

JURI 1 : DR. ZAINATULIZA BINTI ZAINAL ABIDIN

JURI 2 : DR. YUSRIZAL SUFARDI BIN MOHD YUNAN

PIC BILIK : SITI AISHAH BINTI AB JALIL

SESI 1

TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)

MASA: 9.00 – 12.00 TENGAHARI

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0014	POLITEKNIK MERSING STUDENT'S SCORES IN THE TOEIC® LISTENING AND READING TEST	NORHASLINDA BINTI MUHAMADIN ADLEENA ADHA BINTI ABDUL MUA'AIN BAIZURA HASNI	POLITEKNIK MERSING POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL POLITEKNIK MERSING
2	CIE-TVET 2022-0023	TAHAP KEPUASAN DAN PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	HAFIZA IBRAHIM SITI NOOR OTHMAN AZIA IDAYU AWANG	POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
3	CIE-TVET 2022-0016	KAJIAN KEPUASAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KUCHING TERHADAP MUZIUM BUDAYA BORNEO SEBAGAI TEMPAT PEMBELAJARAN DIGITAL	EMARIA BINTI AHMAD ABDUL RAHMAN BIN MORNİ	KOLEJ KOMUNITI KUCHING, SARAWAK. KOLEJ KOMUNITI SARIKEI, SARAWAK.
4	CIE-TVET 2022-0022	KECENDERUNGAN PELAJAR KHAS BERMASALAH PENDENGARAN DALAM MEMILIH PENGAJIAN BIDANG TVET DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA	THENMOLY RAMACHANTHIRAN SITI KHALIJAH JAMAL NURUS SADIQIN ABDUL RAZAK KHAN NURUL AINI MOHD AHYAN	UTM PSA PSA UTM
5	CIE-TVET 2022-0024	HUBUNGAN ANTARA TAHAP KEPUASAN DAN PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH TERHADAP NORMA PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	AZIA IDAYU AWANG SITI NOOR OTHMAN HAFIZA IBRAHIM	PSAS

JADUAL PEMBENTANGAN CIE-TVET 2022

BILIK 5

MODERATOR : NOOR HAYATI BINTI MAT TAIB

JURI 1 : DR. SITI ANIZAH BINTI MUHAMED

JURI 2 : DR. FAZIDA BINTI ADLAN

PIC BILIK : SITI RAWAIDAH BINTI MOHD RAZIKIN

**SESI 1
TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)
MASA: 2.00 – 5.00 TENGAHARI**

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0037	REKABENTUK ALAT PEMOTONG MUDAH ALIH SERBAGUNA	DR. MOHD ELIAS DAUD	PSA
2	CIE-TVET 2022-0030	PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN: ISU DAN CABARAN DI PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN	SITI ZUBAIDAH AHMAD NORHAYATI MAJID DR. AINUL HAEZAH NORUZMAN	PSA
3	CIE-TVET 2022-0044	KEBOLEHGUNAAN DAN KESAN APLIKASI MUDAH ALIH (MOBILE APPS) DALAM MENGESAN KEDUDUKAN MOTOSIKAL	NORMILA BINTI MOKHTAR SHAHIDA BINTI YUSOF YOGADEVI SUPRAMANIAM	PSAS
4	CIE-TVET 2022-0046	PERSEPSI PERMAINAN CROWD PAIR CARD DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	NONI LELA HAYATI BINTI AYOB DEK AFIFA BINTI NORDAN NUR SYAMSINA BINTI AB AZIZ	PMM

BILIK 6

MODERATOR : NAAGAJOOHI A/P ADIN NARAINA

JURI 1 : DR. NORZIANIS BINTI REZALI@ABDUL SUKOR

JURI 2 : DR. NORAZWA BINTI AHMAD ZOLKIFLI

PIC BILIK : SURIA BINTI MD YUSOF

**SESI II
TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)
MASA: 2.00 – 5.00 PETANG**

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0033	KEBERKESANAN PENGGUNAAN APPVIDS 1.0 SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR BAGI KURSUS DYA 30083: BASIC ROBOTIC & AUTOMATION IN AGRICULTURE DI POLITEKNIK SANDAKAN SABAH	SAMSUR BIN NONGKANG ARMANJAYA BIN AMIRULLAH NORSHAHADAH BINTI ABD RAHMAN	POLITEKNIK SANDAKAN
2	CIE-TVET 2022-0041	INDUSTRIAL VISITING LECTURERS PROGRAMME IN UNDERGRADUATE STUDIES: REFLECTION ON STUDENTS' LEARNING	DR NORHASLIN ABU HASSAN MOHAMAD HANIF MOHAMAD SALLEH	POLITEKNIK TAWAU SABAH
3	CIE-TVET 2022-0042	KAJIAN DAN ANALISIS PASARAN KE ARAH TVET UNTUK PROGRAM SIJIL REKABENTUK DALAMAN 2013-2020	AMIRUDDIN MAT MUHAPIS A HAKIM MD ALIMI YASINAN RAMLI MOHAMED HARYATY SUA LIYA SUKIMIN	KOLEJ KOMUNITI SHAH ALAM
4	CIE-TVET 2022-0052	THE RELATIONSHIP BETWEEN STAFF TEAMWORK WITH THEIR JOB PERFORMANCE AT POLITEKNIK MERLIMAU	NUR SYAMSINA AB AZIZ	POLITEKNIK MERLIMAU

JADUAL PEMBENTANGAN CiE-TVET 2022

BILIK 7

MODERATOR : IDA MARIA BINTI MOHD YUSOFF

JURI 1 : DR. ZANATUL SHIMA BINTI AMINUDDIN

JURI 2 : DR. NOR RAHIMY BINTI KHALID

PIC BILIK : SITI MAHANUM BINTI SHAIK ISMAIL

**SESI II
TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)
MASA: 2.00 – 5.00 PETANG**

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CiE-TVET 2022-0054	PENGUNAAN PLATFORM MICROSOFT TEAMS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS PROGRAMMING FUNDAMENTALS BAGI PELAJAR SEMESTER 2 POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH: PENERIMAAN PELAJAR DAN KEMUDAHAN PENGGUNAAN PLATFORM	NOR HAMIZA BINTI GHAZALI	POLISAS
2	CiE-TVET 2022-0056	STAR/DELTA 3 PHASE SYSTEM: EDUCATIONAL TRAINER	SHARMIZA KAMARUDDIN BAKISS HIYANA ABU BAKAR RINA RAHA ABDUL HAMID	POLISAS POLISAS KK PASIR SALAK
3	CiE-TVET 2022-0049	KAJIAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP PELAJAR KEJURUTERAAN MEKANIKAL, POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA	SHARNOL BIN MUSTAFA	POLITEKNIK MERLIMAU
4	CiE-TVET 2022-0011	KAJIAN KEBERKESANAN PEMBANGUNAN E-PROJEK PELAJAR DALAM PENGURUSAN DAN PEMBELAJARAN PROJEK PELAJAR DI POLITEKNIK MELAKA	HUSSEIN MD ZAN SINATU SADIAH SHAPIE SAIFFUL BAHARI OMAR	POLITEKNIK MELAKA
5	CiE-TVET 2022-0035	KEBOLEHPASARAN GRADUAN PSA: SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA GRADUAN JABATAN PERDAGANGAN DENGAN JABATAN KEJURUTERAAN	NORLELA BINTI ZAMAN ROSAMIZA MEOR RAZAK NOR LAILA BINTI HASSAN	PSA

JADUAL PEMBENTANGAN CIE-TVET 2022

BILIK 8

MODERATOR : WAN NORHIDAYAH BINTI WAN MOHAMED NOOR

JURI 1 : DR. BAHARUDDIN BIN MUSTAPHA

JURI 2 : TS. DR. ZUNUWANAS BIN MOHAMAD

PIC BILIK : NOR LAILA BINTI HASSAN

**SESI II
TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)
MASA: 2.00 – 5.00 PETANG**

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0010	THE DEVELOPMENT OF A CHILD ALERT AND NOTIFICATION SYSTEM FOR FORGOTTEN BABY SYNDROME	NUR SURIYA BINTI MOHAMAD RAVENRAJ A/L MOGAN	PSA
2	CIE-TVET 2022-0019	AUTOMATED ARM REHABILITATION MONITORING SYSTEM	NUR RABIATUL ADAWIYAH	PSA
3	CIE-TVET 2022-0029	DEVELOPMENT OF FOOT PRESSURE MONITORING SYSTEM USING FORCE SENSOR	NOR KHARUL AINA MAT DIN NIK NOR AFIFAH NIK MOHAMMAD JAFRI	PSA
4	CIE-TVET 2022-0031	THE DEVELOPMENT OF SKIN RESISTANCE ARDUINO-BASED MODULE FOR STRESS MONITORING	ILYA ISMAIL NURIN BATRISYIA ABD RAHMAN NADIAH DIN NURHIDAYA MUSA	PSA

BILIK 9

MODERATOR : Ts. NUR HAZLIN BINTI MD GHARIP

JURI 1 : DR. MOHD SHAHROM BIN ISMAIL

JURI 2 : DR. MOHD ELIAS BIN DAUD

PIC BILIK : ZAKIAH BINTI OTHMAN

**SESI II
TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)
MASA: 2.00 – 5.00 PETANG**

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0006	PEMBANGUNAN ALAT BERSISTEMATIK DALAM PEMOTONGAN FABRIK DENGAN KAEDAH TEKNOLOGI PINTAR (STM) UNTUK PEMBUAT PAKAIAN	ZAINI MADARSHAH	POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
2	CIE-TVET 2022-0009	E-POCKET FLUID MECHANICS	WAN MAJDAH TON MAMAT ZETTY ROHAIZA BINTI MOHD SAHAK@ISHAK NAZRATULHUDA BINTI HASHIM	PSA
3	CIE-TVET 2022-0021	KAJIAN KEBERKESANAN PEMULIHAN HABA DARI PETI SEJUK BAGI KEGUNAAN PENGERINGAN PAKAIAN	SHARUL NIZAM BIN YAAKOP MUHAMAD ASRUL AFFENDI BIN MAT NOR MUHAMAD SYAMER BIN MOHD NASIR	KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK
4	CIE-TVET 2022-0025	KAJIAN PERBANDINGAN PENGAGIHAN UDARA MENGGUNAKAN FABRIC DUCT VS G.I DUCT DI KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU	TS. KHAIRUL IZWAN BIN ABDUL WAHAB SHARUL NIZAM BIN YAAKOP MUHAMAD SYAMER BIN MOHD NASIR	KOLEJ KOMUNITI KOTA MARUDU
5	CIE-TVET 2022-0034	SMART WHEEL CHAIR	TS. NOORAZLAN MOHD SAMSUDDIN MUHAMMAD FAIZ ABDULLAH	PSA

JADUAL PEMBENTANGAN CIE-TVET 2022

BILIK 10

MODERATOR : AKMARYA SYUKHAIRILNISAH BINTI MOHD AKHIR

JURI 1 : DR. PARAMESWARI A/P SHUNMUGAM

JURI 2 : DR. NOORDINI BINTI ABDULLAH

PIC BILIK : AHMAD YUSRI BIN ABD NASIR

**SESI II
TARIKH: 5/9/2022 (ISNIN)
MASA: 2.00 – 5.00 PETANG**

NO	PAPER ID	TAJUK	NAMA PEMBENTANG	INSTITUSI
1	CIE-TVET 2022-0026	KAJIAN TINDAKAN: BENGKEL 'SMART' DALAM MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGHASILAN LAPORAN CASE STUDY	SITI JANARIAH JANTAN SITI NOOR OTHMAN NORHASLIZA ABDULLAH	POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
2	CIE-TVET 2022-0027	MEDICAL ELECTRONIC DEVICE PARAMOUNT SAFETY A HYBRID ELECTRONIC BOOK: EFFECTIVENESS FOR STUDENTS	MARIANA ROSDI KU LEE CHIN RUSNANI YAHYA	PSA
3	CIE-TVET 2022-0028	CABARAN PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM SEMESTER DUA DI POLITEKNIK SULTAN HJ AHMAD SHAH MELALUI KAEDAH PEMBELAJARAN ATAS TALIAN	LIANA ABDUL SAMAT	POLISAS
4	CIE-TVET 2022-0032	PANDEMIK COVID-19: KESAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN TERHADAP KEMAHIRAN PSIKOMOTOR DALAM MAKMAL KEJURUTERAAN MEKANIKAL	NOOR HAZNIDA BAKAR NURAZLINDA YAHYA@MUHAMMED	PSA
5	CIE-TVET 2022-0040	IOT-BASED FLOOD DETECTION AND EARLIER WARNING SYSTEM	PRAVIIN BASKER NUR ATHIRAH ZAKIRAH AZIZAN NUR FARWIZA ALIA IZZUDIN KANNAN RASSIAH	POLITEKNIK MELAKA

SENARAI JAWATANKUASA INDUK

Penaung

Ts. Zainab binti Ahmad

Penasihat Bersama

Dr. Zubaidah binti Aman

Dr. Ishak bin Mohamad

Dr. Hj Mohd Zahari bin Ismail

Pengerusi Bersama

Dr. Saifuddin Kumar bin Abdullah

Ts. Roseman bin Mat Jidin @ Jidin

En. Muhamad Hashim bin Ahmad

Timbalan Pengerusi

Dr Hjh Wan Rosemehah binti Wan Omar

SENARAI JAWATANKUASA PELAKSANA

Pengarah Program

Dr. Siti Khalijah Binti Jamal

Setiausaha

Nur Zahirah binti Mohd Ghazali
Noor Hasniza binti Mat Salleh

Bendahari

Dr. Noordini binti Abdullah (K)
Khasniza binti Abdul Karim
Rosamiza binti Meor Razak
Rahimawati binti Muhamad Yusoff

Floor Manager

Ts. Dr. Norani binti Abd. Karim (K)
Rabeah Adawiyah Binti Hashim
Md Alimi Bin Yasinan @ Jasman
Skh Muhammad Bin Skh Abd Rahim
Mariana Binti Rosdi

Jawatankuasa Grafik dan Multimedia

Mohammad Fahmy bin Ibrahim (K)
Mohd Hanif Bin Selamat

Jawatankuasa Laman Web Program, Hebahan dan Promosi

Dr. Parameswari A/P Shunmugam (K)
Halimaton Saadiah binti Sa'don
Norhayati Binti Ahmad Alwi
Nurul Fazilah Binti Samuri
Murusinida Binti Che Mood
Zaid bin Junus
Noor Zahilah binti Rapal
Nur Shahafiza binti Din
Shazrina binti Mohamed Isa

Jawatankuasa Pendaftaran Peserta dan Dokumentasi

Dr. Norasiah binti Muhammad (K)
Norsa'aidah Binti Sa'aid
Nurul Izza Binti Redzuan
Nurus Sadiqin Binti Abdul Razak Khan
Shariza Azwin binti Yahaya
Nurfaraiza Binti Idris

SENARAI JAWATANKUASA PELAKSANA

Jawatankuasa Reviewer

Dr. Murugadas A/L Ramdas (K)
Ainiza Binti Silim
Pushpalatha a/p Appanaidu
Rahida Binti Ramli
Nurfadillah Binti Ahmad Mahmud
Hasni Binti Hashim
Mazwina Hanim Binti Abu Bakar
Azma Husnaiza Binti Abdul Aziz
Lilis Seri Yana Binti Sirun
Norsyila Binti Rashid
Julianti Binti Samsudin
Khasniza Binti Abd Karim
Norlela Binti Zaman
Maziharita Binti Mohamood
Norfaizah Binti Abas
Shareh @ Shareaha Binti Din

Jawatankuasa Panel Penilai dan Anugerah

Dr. Aziam binti Mustafa
Suria Binti Md. Yusof
Siti Aishah Binti Ab Jalil
Nor Laila Binti Hassan
Siti Mahanum Binti Shaik Ismail
Siti Rawaidah Binti Mohd Razikin
Haryanti Binti Abdullah
Zakiah Binti Othman
Sarimah Binti Che Hassan

Jawatankuasa Teknikal Persediaan Platform dan Moderator

Ts. Ilya binti Ismail (K)
Hjh Salizahanim binti Leman
Nagaajothi a/p Adin Naraina
Siti Hasliana binti Thalji

SENARAI JAWATANKUASA PELAKSANA

Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi

Ts. Dr. Ainul Haezah binti Noruzman (K)
Yusnita binti Yusof
Dr. Siti Anizah binti Muhamed
Muhammad Afiq Faisal bin Muhammad Ilias
Mohd Firdaus bin Sedet

Jawatankuasa Buku Program

Atikah Fatma binti Md Daud (K)
Noraini binti Hj Naseran

Jawatankuasa Sijil dan Cenderahati

Fariza binti Zahari (K)
Nor Khairul Aina binti Mat Din
Nur Syafiqah Abdullah @ Winnie Itom @ Marc
Mariana binti Rosdi

Jawatankuasa Protokol dan Media

Herlina Ainizawati binti Zakaria (K)
Ts. Salhana binti Sahidin @ Salehudin
Siti Zaliha binti Omar @ Othman
Norbaiti binti Ridzuan

Jawatankuasa Teks Ucapan dan Kata Aluan

Noor Haznida binti Bakar (K)
Ts. Wan majdah binti Ton Mamat
Nurazlinda binti Yahya

Jawatankuasa Majlis Pelancaran dan Jamuan

Siti Nurul Huda binti Romli (K)
Sarizun binti Mohamad Sidek
Diana Malini binti Jarni
Rabiatul Adawiyah binti Rosli
Aliza binti Md Atan
Norasiah binti Ali

Jawatankuasa Pengacaraan Majlis

Aliza binti Abdul Razak (K)
Muhammad Safwan bin Abdullan
Siti Rawaidah binti Mohd Razikin

Jawatankuasa Persiapan Tempat Majlis Pelancaran

Tn. Hj. Jasni bin Mohd Noor
Mohd Hafizi bin Hashim

NOTA

NOTA



***12th National Conference in Technical
Education and Vocational Training
(CiE-TVET) 2022***